



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

28 JANUARI 2021 (KHAMIS)



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

28 JANUARI 2021 (KHAMIS)

Premis jual alat elektronik mula ambil kesempatan kepada ibu bapa

SHAH ALAM - Sejak 20 Januari lalu, golongan ibu-bapa dilaporkan berusaha sehabis baik untuk memudahkan anak-anak mendapat akses internet bagi mengikuti sesi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR).

Bagaimanapun, timbul dakwaan mengatakan beberapa pemilik premis sengaja menaikkan harga barangan elektronik komunikasi termasuk komputer riba terpakai demi untung mudah.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kuala Lumpur memberi amaran kepada peniaga agar tidak mengambil kesempatan dengan menaikkan harga kelengkapan tersebut.

Ketua Pegawai Penguatkuasanya, Zubir Hamsa berkata, pihaknya melaksanakan Ops Catut 8.0 di seluruh ibu negara sejak Isnin lalu.

Menurutnya, pemeriksaan dijalankan di premis menjual kelengkapan elektronik dan komunikasi seperti mesin pencetak, telefon bimbit, komputer riba dan tablet.

"Sejak dua hari pelaksanaan Ops Catut 8.0, kita mengeluarkan lapan notis di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 bertujuan bagi peniaga terbabit membekalkan maklumat perincian harga jualan dan harga kos barangan untuk siasatan lanjut.

"Selain itu, tindakan pemeriksaan yang dilakukan bertujuan memantau



Pemeriksaan dilakukan penguatkuasa KPDNHEP di beberapa premis menjual barangan elektronik sekitar Kota Kinabalu, Sabah sejak Selasa.

dan memastikan harga tidak dinaikkan sewenang-wenangnya," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Katanya, sekiranya didapati peniaga menaikkan harga secara tidak munasabah, tindakan tegas boleh diambil di bawah Seksyen 14 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Di KELANTAN, Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP negeri, Azanizam Affendi Juri berkata, pihaknya mengambil maklum berhubung isu yang dibangkitkan dalam media sosial mengenai

kenaikan harga barangan kelengkapan elektronik dan komunikasi baru-baru ini.

Melalui Operasi Catut 8.0 katanya, pemeriksaan di premis jualan barangan tersebut bagi memantau dan mendapatkan maklumat berkaitan harga.

"Lima barangan komunikasi merangkumi komputer, komputer riba, tablet, mesin pencetak dan telefon bimbit disasarkan," katanya.

Azanizam berkata, dalam operasi yang diadakan di seluruh daerah itu, pihaknya mengeluarkan enam notis kepada peniaga terlibat.

Di SABAH, lima pemilik premis diberi notis oleh KPDNHEP Sabah dalam Ops Catut 8.0 di sekitar daerah ini.

Antara peralatan elektronik yang disyaki dijual dengan harga tinggi adalah komputer riba, alat pencetak, telefon bimbit dan tablet.

Pengarah Pejabat KPDNHEP Sabah, Georgie Abas berkata, dalam operasi itu sebanyak lima premis perniagaan menjual peralatan elektronik diperiksa.

"Pesalah boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

"Bagi mana-mana pertubuhan perbadanan yang disabitkan atas suatu kesalahan di bawah akta ini dan selanjutnya boleh didenda tidak melebihi RM500,000," katanya.

Pemantauan kenaikan harga barang perlu lebih tegas

SHAH ALAM - Kerajaan perlu melaksanakan pemantauan kenaikan harga barangan dan penguatkuasaan yang lebih tegas bagi memastikan tidak berlaku kenaikan harga secara tidak terkawal.

Penolong Setiausaha Agung Pas, Syahir Sulaiman berkata, pemantauan harga barang perlu seimbang dengan kerajaan mengendalikan prosedur operasi standard (SOP) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Menurutnya, kenaikan harga yang tidak terkawal tersebut bukan sahaja dapat menghakis kuasa beli rakyat, namun boleh menyebabkan ekonomi menjadi lebih teruk ditambah pula dengan pelaksanaan PKP.

"Secara umumnya, pengguna dapat merasakan perubahan harga secara bulanan (*month-to-month*) pada Januari tahun ini berbanding Disember tahun lalu dan kini mula merasakan perubahan harga secara mingguan (*week-*

to-week) sejak PKP 2.0 dilaksanakan bermula 13 Januari.

"Situasi kenaikan harga (inflasi) hanya boleh berlaku apabila rantaian ekonomi tergendala, mengakibatkan proses penawaran dan permintaan

dalam pasaran terjejas, di samping wujudnya elemen manipulasi dan monopoli yang perlu ditangani," katanya dalam satu kenyataan di Facebook pada Rabu.

Syahir berkata, kerajaan boleh melibatkan rakyat dalam memantau kenaikan harga

dengan mempermudah akses untuk membuat aduan seperti di aplikasi MySejahtera dan Ez Adu KPDNHEP.

Beliau berkata, perkara tersebut adalah untuk memastikan hak pengguna sentiasa terjamin pada masa yang agak sukar kini.


Katanya, objektif ekonomi yang perlu menjadi fokus kerajaan ialah merencanakan pertumbuhan ekonomi, mengurangkan pengangguran dan menstabilkan harga pasaran.



SYAHIR



Kenaikan harga yang tidak terkawal tersebut bukan sahaja dapat menghakis kuasa beli rakyat, namun boleh menyebabkan ekonomi menjadi lebih teruk ditambah dengan pelaksanaan PKP.

 Senarai Harga Barang Keperluan	• Ayam RM5.90	• Telur Gred A RM9.99	• Gula Pasir RM2.60	• Cili Merah RM2.99
	• Daging Lembu Tempatan RM32	• Ikan Kembung RM8.99	• Bawang Besar Holland RM3.20	• Kubis Bulat Tempatan RM3.80
	• Daging Lembu Import RM18.90	• Minyak Masak RM5.30	• Bawang Putih RM2.99	• Tepung Gandum RM2.15
				<small>*Harga (RM/kg) Sumber: KPONHEP</small>



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(BERITA UMUM)**

28 JANUARI 2021 (KHAMIS)

Hasil lumayan timun fertigasi

Belia di Hulu Terengganu sertai projek fertigasi dengan peruntukan RM50,000

Oleh FARAH SHAZWANI

Pertanian bandar semakin mendapat tempat, khususnya bagi anak muda kerana pengendaliannya yang lebih mudah.

Melihatkan potensinya untuk berkembang, Majlis Belia Daerah Hulu Terengganu (MBHT) memulakan projek tanaman fertigasi timun bagi membantu golongan belia daerah itu, khususnya yang terjejas dengan pandemik Covid-19.

Pengerusinya, Mukhri Mat berkata, peruntukan sebanyak RM50,000 diberikan oleh Pejabat Parlimen Hulu Terengganu melalui Ahli Parlimennya, Datuk Rosol Wahid yang juga Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Menurutnya, idea itu timbul setelah melihat banyak projek fertigasi yang berjaya dan kian berkembang, di samping tekniknya yang lebih mudah.



Ahli Parlimen Hulu Terengganu, Datuk Rosol Wahid (dua dari kanan) turut melihat kemajuan projek tanaman fertigasi timun diusahakan Mukhri (kanan).

“Peruntukan yang kita dapat agak besar jadi kami telah pecahkan kepada beberapa projek agar lebih ramai belia yang dapat turut serta. Buat peringkat permulaan, kita telah belanjakan RM15,000 untuk tanaman timun dengan penglibatan empat peserta.

“Sebanyak 2,000 pokok timun ditanam di atas tanah seluas seekor. Setiap kali tuai, kita mampu dapat sehingga 150 kilogram.

“Kita anggarkan bagi satu musim, kita mampu tuai sehingga 10 tan tapi disebabkan musim tengkujuh, kita hanya dapat capai separuh daripada itu. Tapi

ia masih dianggap berjaya kerana kami hanya bermula beberapa bulan dan akan sambung ke musim kedua dalam masa terdekat,” katanya.

Projek fertigasi timun MBHT yang terletak di Kampung Sungai Ular, Kuala Berang itu adalah di bawah pengawasan Pejabat Pertanian Daerah Hulu Terengganu dan turut mendapat kerjasama Pejabat Belia Daerah Hulu Terengganu dan Pejabat Parlimen Hulu Terengganu.

Jelas Mukhri, kebanyakan peserta projek tidak mempunyai asas pertanian dan hanya sebahagian sahaja yang berpenga-

lahan bercucuk tani secara tradisional sebelum ini.

“Mereka sebelum ini bekerja sendiri, ada yang bekerja dengan syarikat swasta tapi terjejas disebabkan Covid-19 dan ada yang berniaga atas talian tapi kesemua mereka mengambalnya sebagai cabaran.

“Kebanyakannya adalah bidadan terjun tapi dengan kepakaran, bimbingan dan khidmat nasihat oleh pejabat pertanian, mereka mampu untuk melaksanakannya. Ia sedikit sebanyak membantu golongan belia kita untuk mendapatkan pendapatan tambahan kerana kita melihat potensi besar dalam bidang per-

tanian ini,” katanya.

Bagi pakej pertama 2021, MBHT akan memulakan projek tanaman fertigasi cili melibatkan 1,500 pokok di Kampung Kuala Akob, Kuala Berang.

Projek itu katanya, akan dimulakan dalam masa terdekat dan kerja-kerja persediaan sedang dilakukan bagi memastikan kelancaran projek itu.

“Kita mulakan dengan timun kerana ia cepat dituai, hanya ambil masa 40 hari sahaja. Jadi, dengan pengalaman yang ada dan melihat kejayaan projek ini, kita akan mulakan tanaman cili pula.

“Peserta juga kita sedang kenal pasti kerana kita nak belia yang benar-benar komited dan minat dengan pertanian. Ini antara faktor penting pemilihan kerana kita nak projek ini berjaya dan menjadi prototaip untuk projek fertigasi akan datang,” katanya.

Mukhri menjelaskan, antara harapan besarnya adalah melebarkan penglibatan belia-belia khususnya di Hulu Terengganu dengan pertanian fertigasi.

Disebabkan itu, beliau mengharapkan kerajaan negeri boleh menyediakan tanah yang bersesuaian bagi membolehkan lebih ramai belia terlibat dalam pertanian.